



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 69  
Bil. 21

**20hb Oktober 2016**

*TAMBAHAN*  
*No. 3*

---

---

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 Tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

**No. 3102.**

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Abdul Aziz bin Ismail yang beralamat di No. 452, Lorong 2, Taman Bintang 34900 Pantal Remis, Perak Darul Ridzuan dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Larut Matang, Taiping pada hari Rabu 30hb November 2016 jam 10.30 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut Seksyen 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Asam Kumbang. No. Lot—5203. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 797. Bahagian Tanah (Jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (Jika ada)—Gadaian No. Pers. 2225/2010.

Bertarikh 13 Oktober 2016  
[PTLM. 369/27/2016/01]

MOHD AZMAN BIN ABD. MAJID  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Larut dan Matang*

**No. 3103.**

(Seksyen 257 dan 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohd Azman bin Abdul Majid, Pentadbir Tanah, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan cara lelongan awam, yang akan diadakan pada 24 November 2016 (Khamis) pada 10.30 pagi di Pejabat Tanah, Larut & Matang Taiping.
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM260,000.00. (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Enam Puluh Ribu sahaja).
  - (c) Bukan Tanah Simpanan Melayu
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh siasatan ialah RM55,939.25 Public Bank Berhad.
  3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
    - (e) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas dalam bentuk Bank Draf RM26,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Enam Ribu sahaja).
    - (f) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;

- (g) di mana amaun penuh harga jualan jika tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
- (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
  - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian.
- (n) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 23 Mac 2017 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan bagi tempoh yang ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (c), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (d) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267A.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Asam Kumbang. No. Lot—28184. Jenis, No. Hakmilik dan Keluasan—P.M. 9079. Luas—514 meter persegi. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Pers.: 2024/2004.

Bertarikh 11 Oktober 2016

[PTLM 369/09/2016/01]

Lelongan 1

MOHD AZMAN BIN ABD. MAJID

*b.p. Pentadbir Tanah*

*Larut dan Matang*

**No. 3104.**

(Seksyen 257 dan 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohd Azman bin Abdul Majid, Pentadbir Tanah, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan cara lelongan awam, yang akan diadakan pada 23 November 2016 (Rabu) jam 10.30 pagi di Pejabat Tanah, Larut & Matang Taiping.
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM620,000.00. (Ringgit Malaysia: Enam Ratus Dua Puluh Ribu sahaja).
- (c) Bukan Tanah Simpanan Melayu

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh siasatan ialah RM2,003.60 Bank Pertanian Malaysia Berhad.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (e) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas dalam bentuk Bank Draf RM62,000.00 (Ringgit Malaysia: Enam Puluh Dua Ribu sahaja).
- (f) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
- (g) di mana amaun penuh harga jualan jika tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
  - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
  - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian.
- (n) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 22 Mac 2017 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan bagi tempoh yang ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (c), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (d) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267A.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Terung. No. Lot—1213. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 499. Luas—1.2748 hektar. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Pers. 1641/2005.

Bertarikh 11 Oktober 2016  
[PTLM 369/05/2016/01]  
Lelongan 1

MOHD AZMAN BIN ABD. MAJID  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Larut dan Matang*

## AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

## LAND ACQUISITION ACT 1960

(Act 486)

**No. 3105.**

(Seksyen 8)

## PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

(Section 8)

## DECLARATION OF INTENDED ACQUISITION

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah dan kawasan tertentu yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Pengambilan Tanah di bawah perenggan 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 [*Akta 486*] untuk Pembinaan Jalan Keluar Masuk ke Skim Perumahan Lot 1721 dan Lot 1039 di Mukim Tupai Daerah Larut Matang dan Selama.

2. Pelan tanah dan kawasan yang dinyatakan itu boleh diperiksa pada waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi daerah tempat letaknya tanah dan kawasan itu.

It is hereby declared that the particular lands and areas specified in the Schedule hereto are needed for the following purposes:

Land Acquisition under paragraph 3(1)(a) of the Land Acquisition Act 1960 [*Act 486*] for Pembinaan Jalan Keluar Masuk ke Skim Perumahan Lot 1721 dan Lot 1039 di Mukim Tupai Daerah Larut Matang dan Selama.

2. A plan of the particular lands and areas so specified may be inspected during the normal hours of business in the Land Office of the district in which such lands and areas are situated.

## JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Larut, Matang dan Selama. Mukim—Tupai.

| No. Lot<br>Ukur      | Hakmilik<br>atau<br>Pendudukan | Tuan Punya Berdaftar atau<br>Penduduk Yang Direkodkan | Keluasan<br>Lot         | Anggaran<br>Keluasan<br>Yang akan<br>Diambil |
|----------------------|--------------------------------|---|-------------------------|--|
| Survey<br>Lot<br>No. | Title<br>or<br>Occupation      | Registered Proprietor or<br>Recorded Occupation       | Area of<br>Lot          | Approximate<br>Area to be<br>Acquired        |
|                      | GRN                            |   | HEKTAR/<br>HECTARES     | HEKTAR/<br>HECTARES                          |
| 3621                 | 30136                          | Ng Aun Say & Sons Reality Sdn Bhd                     | 399.6558 m <sup>2</sup> | 18 m <sup>2</sup>                            |

Bertarikh 7 Oktober 2016

Dated 7 October 2016

[PTG.Pk. 178/13-12(C); PTLM 362/01/2015/11]

DATO' SYED MOKHTAR BIN SYED IDRIS  
*Pengarah Tanah dan Galian Negeri/  
State Director of Lands and Mines  
Perak*

Hakcipta Pencetak<sup>®</sup>

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA